

**Agong Bertitah Jika Pendekatan Wasatiyyah Dihayati Perpaduan Dapat Dicapai
Bernama
24 Januari, 2013**

PUTRAJAYA, 24 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah sekiranya pendekatan wasatiyyah dapat dihayati, maka perpaduan boleh dicapai serta kecemerlangan akan menjadi kenyataan.

Baginda juga percaya rakyat di negara ini amat memahami dan menyedari kepentingan perpaduan dalam sesebuah masyarakat dan negara.

"Perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan adalah amat penting untuk meneruskan agenda pembangunan, membina kekuatan dan mendaulatkan negara," titah baginda pada majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan tahun 1434H di sini hari ini.

Turut berangkat hadir pada majlis itu Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Sambutan bertemakan 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' itu juga turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Seri Paduka baginda turut menyeru rakyat agar bersama-sama mengekal dan memperkukuhkan perpaduan untuk membina kekuatan bagi memajukan agama, bangsa dan negara.

"Marilah kita sama-sama menjayakan setiap usaha pembaharuan dan perubahan dengan menggunakan acuan Islam sebagaimana yang diajar Nabi Muhammad S.A.W iaitu dengan penuh kesederhanaan dan berimbang," titah baginda.

Baginda bertitah sirah Rasulullah juga menunjukkan bahawa kepelbagaian dalam masyarakat sama ada dari segi keturunan, pegangan agama, budaya dan bahasa, bukanlah satu masalah dan penghalang kepada perpaduan asalkan kesederhanaan atau pun pendekatan wasatiyyah itu dijadikan amalan dalam kehidupan.

Pada majlis itu baginda turut berkenan menyampaikan Anugerah Perdana Maulidur Rasul kepada bekas Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak dan bekas Mufti Negeri Sarawak Datuk Seri Anis Abot.

Acara di Putrajaya bermula dengan perarakan sejauh 1.7 kilometer yang disertai kira-kira 13,000 peserta termasuk 74 kontinjen kerajaan, 30 kontinjen badan berkanun, lapan badan beruniform, 21 kontinjen swasta, lima kontinjen institusi pengajian tinggi serta 12 kontinjen sekolah.

Majlis sambutan kali ini turut diserikan dengan perarakan motosikal berkuasa tinggi; unit berkuda Polis Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Putrajaya serta pasukan bot air.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin menyeru rakyat negeri itu supaya menghayati dan menghidupkan dua warisan Rasulullah S.A.W iaitu al-Quran dan as-Sunnah dalam kehidupan harian.

"Sesungguhnya Rasulullah meninggalkan kita tanpa mewariskan kita harta pusaka

kekayaan, tetapi baginda mewariskan ilmu untuk dipelajari, difahami, dihayati pengajarannya dalam membina kehidupan dan akhlak mulia.

"Beta berharap umat Islam mengikuti sunnah baginda Rasulullah S.A.W dalam setiap lapangan, sama ada dalam kerjaya, rumah tangga dan dalam kehidupan bermasyarakat bagi memastikan kita terus hidup aman makmur," titahnya," baginda pada majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Stadium Negeri di sini.

Seramai 15,000 peserta daripada 118 kontinjen menyertai perarakan Maulidur Rasul peringkat negeri Terengganu sejauh 2.2 kilometer dari Dataran Shahbandar dan berakhir di Stadium Negeri yang bermula 7.45 pagi.

Turut serta Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said serta barisan Exco kerajaan negeri, ketua jabatan dan pemimpin masyarakat setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat dan swasta sambil kesemua peserta berselawat sepanjang berarak.

Di SEREMBAN, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud berkenan berangkat ke sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Sembilan di padang Majlis Perbandaran Seremban di sini.

Turut hadir Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin serta Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Kira-kira 20,000 umat Islam daripada 82 kontinjen yang mewakili pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), parti politik dan sekolah berarak mengelilingi bandar Seremban dengan didahului Tuanku Muhriz.

Terdahulu, Tuanku Muhriz bertitah bertepatan dengan tema sambutan kali ini 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' baginda berkeyakinan persefahaman dan perpaduan dalam kalangan umat Islam boleh dicapai melalui penghayatan ke atas prinsip wasatiyyah yang terkandung di dalam ajaran Islam yang suci.

"Walaupun, beta telah menitahkan tentang prinsip ini di dalam majlis yang sama tahun lepas, beta percaya penekanan ke atas kepentingan prinsip wasatiyyah perlu sentiasa dilakukan agar masyarakat benar-benar memahami keindahan prinsip ini," titah baginda.

Baginda bertitah wasatiyyah boleh diterjemahkan sebagai pendekatan sederhana yang terhasil daripada bimbingan Ilahi yang terbit daripada kefahaman terhadap panduan agama.

Namun, titah baginda ia bukan bererti kita mesti berada di tengah-tengah antara dua sikap yang ekstrem, sebaliknya prinsip wasatiyyah menuntut kita agar sentiasa merujuk kepada neraca agama dan mencari jawapan paling tepat dalam setiap persoalan.

"Justeru, marilah kita berpegang kepada firman Allah di dalam surah Albakarah ayat 143 yang bermaksud '...dan demikianlah kami jadikan kamu umat yang bersifat wasatiyyah'. Dan sabda baginda S.A.W yang bermaksud 'sebaik-baik perkara adalah yang pertengahan yakni wasatiyyah'.

"Beta juga menyeru agar kita semua kembali menghayati prinsip wasatiyyah ini dalam mengurus kehidupan dunia dan akhirat dengan tidak mengabaikan kedua-duanya dan menunaikan hak kedua-duanya mengikut keutamaan yang diajar oleh Islam.

"Dalam menegur silap dan salah serta kelemahan yang ada pada diri saudara seIslam, janganlah hingga kita menafikan ikatan akidah yang sangat tinggi nilainya di sisi Allah S.W.T," titah baginda.

Sementara itu, Mohamad pula berkata soal toleransi menjadi tunjang utama bagi mencapai persefahaman sekali gus mampu membina negara ke mercu paling gemilang.

Lantaran itu, katanya umat Islam harus menjadi peneraju utama dalam mesej persefahaman dan penyatuan supaya ia kelak menjadi ikutan bukan sahaja kepada sesama ummah, bahkan kepada masyarakat lainnya.

"Sesungguhnya melalui pendekatan wasatiyyah, keutuhan perpaduan dan persaudaraan sesama kaum dan agama dapat ditingkatkan dan melalui konsep wasatiyyah ini juga dapat tingkatkan nilai kualiti kebersamaan dalam kemajmukan yang menjadi pemangkin kepada perpaduan ummah secara keseluruhannya pada masa kini," katanya.

Di MELAKA, lebih 11,000 umat Islam menyertai sambutan Maulidur Rasul yang dihadiri Yang Dipertua Negeri Tun Mohd Khalil Yaakob dan Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Mohd Khalil turut mengetuai perarakan sejauh 3.5km bermula dari Padang Stadium Hang Tuah hingga ke dataran Kompleks Majlis Agama Islam Melaka.

Terdahulu, dalam ucapannya Mohd Khalil menyeru semua pihak supaya tidak membangkitkan isu-isu yang boleh menimbulkan rasa tidak puas hati dan resah dalam kalangan umat Islam dan bukan beragama Islam.

Beliau menasihatkan rakyat supaya menjunjung tinggi nasihat dan pandangan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia serta Majlis dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri supaya kredibiliti dan institusi agama dihormati oleh masyarakat Islam itu sendiri dan golongan bukan Islam juga.

"Masyarakat Islam juga perlu bersama-sama mempertahankan kesucian agama Islam dan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah supaya Islam terus dihormati masyarakat bukan Islam menerusi contoh teladan yang baik," katanya.

Di SEGAMAT, Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mengetuai 10,000 umat Islam berarak sejauh dua kilometer bagi menghadiri sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Masjid Jamek Bandar Segamat, di sini.

Perarakan membabitkan 88 kontinjen yang bermula dari Dataran Segamat itu turut disertai Tuanku Raja Zarith Sofiah Sultan Idris dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Turut serta, Setiausaha Kerajaan negeri Datuk Obet Tawil, Mufti Johor Datuk Mohd Tahrir Kiyai Shamsudin, barisan exco kerajaan negeri dan pegawai kanan kerajaan.

Baginda bersama rakyat kemudiannya mengikuti ceramah agama yang diadakan sempena majlis berkenaan.

Di KOTA KINABALU, hampir 15,000 umat Islam menyertai sambutan peringkat negeri dihadiri Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin dan isteri Toh Puan Norlidah Datuk RM Jasni di perkarangan Masjid Negeri di Sembulan, dekat sini.

Dalam ucapannya, Johar menyeru semua pihak supaya tidak menyemarakkan sentimen agama dan perkauman demi mengekalkan keharmonian hidup dalam sebuah masyarakat majmuk.

Katanya perpaduan rakyat adalah kunci kejayaan yang dikecapi negara dan perpaduan yang sudah dinikmati itu perlu sama-sama dipertahankan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Seri Salleh Said Keruak dan anggota kabinet negeri.

Sebelum itu, Johar dan isteri mengetuai perarakan membabitkan 98 kontingen daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, swasta, sekolah serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Padang Merdeka hingga perkarangan Masjid Negeri di Sembulan.

Sementara itu, Musa dalam ucapannya berkata kejayaan Nabi Muhammad S.A.W dalam mentadbir negara Islam Madinah menerusi penghayatan amalan kesederhanaan seharusnya dibudayakan secara menyeluruh dalam kehidupan seharian termasuk dalam pentadbiran kerajaan di semua peringkat.

Ketua Menteri berkata rakyat harus bersyukur kerana Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa peka dan sedar dengan ancaman pihak yang cuba memecahbelahkan perpaduan rakyat dengan memperkenalkan konsep wasatiyyah atau kesederhanaan dalam pentadbiran.

"Sesungguhnya ini jelas membuktikan kesungguhan, keikhlasan dan komitmen berterusan kita, khususnya Perdana Menteri dalam usaha dan perjuangan menjamin keamanan dan kesejahteraan umat Islam sejagat," katanya.

Pada majlis itu, bekas Datuk Bandar Kota Kinabalu Datuk Abdul Ghani Rashid dan tokoh wanita Dr Hajah Anang Langka Mat Kassim diumumkan pemenang Anugerah Maulidur Rasul dengan masing-masing membawa pulang wang tunai RM7,000, sijil dan hadiah iringan.

Di KUCHING, sambutan diadakan di dua lokasi berbeza iaitu di Masjid Al Muhajirin, Taman Matang Jaya dan di Masjid Solahuddin Al-Ayubbi, Kem Penrissen, membabitkan 700 pegawai kanan dan anggota lain-lain pangkat serta kakitangan awam Angkatan Tentera Malaysia.

Sambutan dimulakan dengan perarakan sejauh satu kilometer di dalam kawasan kem, disertai kontinjen naungan Divisyen Pertama Infantri Malaysia dan Briged Ke-3 Infantri Malaysia kawasan Kuching diketuai Pemangku Ketua Staf 1 Divisyen, Lt Kol Mustaffa Othman.

Di KUANTAN, Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah dalam titahnya mengingatkan umat Islam supaya tidak sesekali menggadaikan kemuliaan agama Islam demi mahu menjaga perasaan pihak atau individu tertentu.

Baginda bertitah walaupun Islam membenarkan sikap toleransi dalam urusan kehidupan umatnya, namun permuafakatan tersebut perlu bersandarkan petunjuk yang telah diberikan oleh Rasulullah S.A.W.

"Setiap anggota masyarakat perlulah bertanggungjawab membela agama mereka yang merupakan tembok perpaduan dan kesatuan ummah di antara kita kerana ia dituntut dalam Islam," titah baginda pada majlis sambutan yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji

Ahmad Shah di sini.

Turut berangkat Sultanah Pahang Sultanah Kalsom dan Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Selain itu, majlis yang disertai lebih 3,000 orang itu turut dihadiri Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pahang Datuk Wan Mohamad Razali Wan Mahusin dan Setiausaha kerajaan negeri Datuk Seri Muhammad Safian Ismail.

Di GEORGE TOWN, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas hadir menyampaikan anugerah kepada tokoh Maulidur Rasul dan tiga tokoh yang berjaya dalam bidang masing-masing pada sambutan peringkat negeri bertemakan 'Qudwatur Ar-Rasul Membentuk Keperibadian Unggul'.

Dalam ucapannya Abdul Rahman berharap sambutan Maulidur Rasul yang diadakan setiap tahun itu dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan umat Islam bukan sahaja di Pulau Pinang, malah di seluruh negara.

Beliau berkata usaha untuk mengeratkan silaturrahim sesama umat Islam merupakan satu penzahiran tanda kecintaan terhadap Rasulullah Nabi Muhammad S.A.W yang membawa pelbagai nikmat kehidupan kepada umatnya.

Pada majlis itu, Soid@ Shuib Mohd Amin, 68, seorang pesara kerajaan dan aktif di dalam pertubuhan bukan kerajaan diumumkan sebagai tokoh Maulidur Rasul dan menerima wang tunai RM5,000, sijil penghargaan dan piala iringan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=924006>